



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
Bil. 8

14hb April 2011

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 770.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nasd Rahayu binti Abdul Rahim, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam yang akan diadakan pada hari Jumaat, 22 April 2011, jam 11.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Sungai Siput, Perak Darul Ridzuan;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM27,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tujuh Ribu sahaja); dan
 - (c) Luar Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah:
- (a) -
 - (b) -
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus

- daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM2,700.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Tujuh Ratus sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana akaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh - dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c), kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Siput. No. Lot—21338. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3104. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 653/003.

Bertarikh 17 Mac 2011
[PTSS.(F/C) 2/2009]

NASD RAHAYU BINTI ABDUL RAHIM
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Kuala Kangsar*

Hakcipta Pencetak[®]

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA